

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR

BILANGAN 4/2013

Penggunaan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) dalam Permohonan Pembangunan Tanah

Arahan ini dikeluarkan bagi memaklumkan kepada Pentadbir Tanah Daerah (PTD) berhubung keputusan Mesyuarat Penyelarasan Pentadbiran Tanah/Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor (MPPTDPBTS) bil. 4/2013 yang diadakan pada 1 April 2013 yang dipengerusikan oleh Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

2. Bagi membolehkan permohonan pembangunan tanah diproses dalam tempoh lebih singkat, mesyuarat bersetuju supaya semua permohonan pembangunan tanah menggunakan LCP bagi menggantikan Laporan Tanah yang disediakan oleh Penolong Pegawai Tanah dengan syarat-syarat seperti berikut:-
 - a) Penolong Pegawai Tanah hendaklah menyemak dan mengesahkan Borang Perihal Tanah dalam **tempoh maksimum 14 hari** ke atas LCP yang disediakan oleh Jururancang **kecuali** mendapat arahan Pentadbir Tanah dari masa ke semasa.
 - b) Ulasan Jabatan Teknikal yang dikemukakan di PBT semasa permohonan kebenaran merancang akan diguna semula semasa permohonan pembangunan tanah selagi ulasan tersebut masih mempunyai tempoh sah laku seperti yang dinyatakan pada surat ulasan teknikal tersebut.

- c) Jururancang perlu mematuhi syarat-syarat seperti berikut semasa mengemukakan permohonan pembangunan tanah di PTD/PTGS:-
- i) Tempoh sah laku Carian Rasmi Hakmilik ialah dalam tempoh 6 bulan dari tarikh ianya dikeluarkan
 - ii) Laporan bergambar perlu memaparkan tarikh tetapan kamera.
 - iii) Borang Perihal Tanah yang disahkan oleh Penolong Pegawai Tanah seperti di **(Kembaran A)**.
 - iv) Mengemukakan Pelan Susun Atur, Pelan Pra Hitungan, Pelan Kontur yang telah disahkan oleh Pihak Berkuasa Perancang.
- d) Carta Alir kaedah penggunaan LCP bagi permohonan pembangunan Tanah adalah seperti ci **Kembaran B**.

3. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah adalah diarahkan mematuhi keputusan yang telah ditetapkan.

(DATO' KAMARULZAMAN BIN JAMIL)
D.P.M.S, S.I.S, A.I.S, P.P.T
Pengarah Tanah dan Galian Selangor
Negeri Selangor Darul Ehsan

Tarikh: 0 / Oktober 2013

BORANG PERIHAL TANAH BAGI PROJEK _____

PERIHAL HAK MILIK

i.	No. Hakmilik	
ii.	No. Lot / PT(nyatakan seksyen jika ada)	
iii.	Mukim/Pekan/Bandar	
iv.	Kategori Tanah	
v.	Syarat Nyata	
vi.	Luas	
vii.	Tamat Tempoh Pajakan (jika berkenaan)	
viii.	Lain-Lain (nyatakan kaedah tanah diperolehi cnth: Pindahmilik atau berimilik)	
ix.	Tanggungan ke atas tanah hakmilik tersebut	

BAHAGIAN A

a) Bagi tujuan	Tukar Syarat (Sek. 124 (1) (a) & (c) KTN)
	Tukar Syarat & Pecah Sempadan (Sek. 124A KTN)
	Penyatuan & Cantuman (Sek. 147 KTN)
	Pecah Sempadan (Sek. 137 KTN)
	Pecah Bahagian (Sek. 142 KTN)
	Pembangunan (Sek. 197, 76, & 204 KTN)

BAHAGIAN B

b) Jenis tanah	Tanah Desa		Tepi Pantai
	Pekan		Dasar Laut
	Bandar		Lain-Lain:

c) Kedudukan Tanah

i. Nama Tempat/Taman/Kampung		W.K. NO	
ii. Alamat			
iii. Termasuk / Tidak Termasuk di dalam Kawasan:			
RIZAB MELAYU		W.K. NO	
RIZAB HUTAN SIMPAN		W.K. NO	
RIZAB ORANG ASLI		W.K. NO	
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		W.K. NO	

BORANG PERIHAL TANAH BAGI PROJEK _____

LAIN-LAIN					
iv. Berhadapan dengan			Jalan		Pantai
			Jalan Keretapi		Sungai
		Lain-lain (sila nyatakan): _____			
v. Jarak dari jalan utama yang berhampiran					
Nama jalan :					
vi. Ada 'laluan masuk' yang sah ke arah tanah yang dipohon.		<input type="checkbox"/>	Ada	<input type="checkbox"/>	Tiada
Ditandakan di atas pelan lampiran () berwarna _____.					

KEADAAN TANAH YANG DIPOHON			
a) Keadaan semasa tanah (boleh ditanda lebih dari satu kotak)			
<input type="checkbox"/> Rata	<input type="checkbox"/> Berbukit Kelas I, II, III, IV (bulatkan yang berkenaan)		
<input type="checkbox"/> Kering	<input type="checkbox"/> Berpaya	<input type="checkbox"/> Lembah	<input type="checkbox"/> Belukar
Lain-lain (sila nyatakan) _____			
b) Dilintasi oleh laluan talian penghantaran			
<input type="checkbox"/> Tiada	<input type="checkbox"/> Ada elektrik / telefon / paip air / gas / anak sungai / parit (bulatkan yang berkenaan)		
Seperti yang ditunjukkan di dalam pelan lampiran () berwarna '_____'			

PERIHAL TANAH SEKELILING				
a) Maklumat atas tanah bersebelahan merujuk arah :				
Arah	No. Lot/ PT	Tanah Kerajaan/ Milik (No. Hakmilik)	Syarat Nyata Tanah	Aktiviti Atas Tanah
UTARA				
SELATAN				
TIMUR				
BARAT				
(Kembarkan lampiran jika ruang di atas tidak mencukupi)				

BORANG PERIHAL TANAH BAGI PROJEK _____

b) Nyatakan keadaan tanah-tanah yang bersekitar dengan tanah yang dipohon terutama yang ada kaitan dengan tujuan permohonan:

c) Tanah yang dipohon dilengkapi oleh kemudahan asas. Ya Tidak

Dilengkapi oleh: Bekalan air Bekalan Elektrik Telekomunikasi

Segala maklumat tanah yang diberi adalah benar dan betul.

.....
(JURURANCANG)


Tarikh: _____

Disemak dan disahkan oleh:

.....
(PENOLONG PEGAWAI TANAH PEJABAT TANAH)

Tarikh: _____

Carta Alir Kaedah Penggunaan LCP bagi Permohonan Pembangunan Tanah



- Nota: Bagi permohonan pembangunan tanah yang kurang dari 2 ekar yang memerlukan perakuan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Sumber Alam (STA NCO), tempoh permohonan tertakluk kepada tarikh mesyuarat dijalankan dan akan dikemukakan ke MMKN 14 hari selepas mendapat perakuan.